

22 MAY 2000

GHAFAR: ABDULLAH HARUS DIBERI PELUANG TUNJUK KEBOLEHAN

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Tokoh veteran Umno Tun Ghafar Baba meminta rakyat memberikan peluang kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menunjukkan kebolehannya memimpin negara.

"Kita tidak boleh memperkecil-kecilkan kebolehan seseorang itu sebelum dia diberi peluang untuk mencuba," katanya pada sidang media di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) di sini hari ini.

Ghafar, 75, sedang menjalani rawatan di hospital berkenaan kerana penyakit lelah.

Bekas timbalan perdana menteri itu berkata beliau berharap Abdullah akan berjaya membangunkan Malaysia seperti yang dilakukan pemimpin-pemimpin negara sebelum ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perhimpunan agung Umno baru-baru ini mengumumkan beliau akan menyerahkan banyak tugas rasminya sebagai perdana menteri kepada timbalannya, Abdullah, bagi membolehkan beliau memberi tumpuan sepenuhnya kepada Umno.

Mengenai tanggungjawabnya sebagai anggota Parlimen Batu Berendam, Ghafar berkata penyakit lelah yang dialaminya tidak menghalang beliau menyumbang khidmat bakti kepada penduduk di situ.

"Saya memang jarang pulang ke Batu Berendam kerana masalah kesihatan, tetapi semua hal ehwal kebajikan penduduk di situ diambil perhatian oleh pembantu-pembantu saya," katanya.

-- BERNAMA

NY RON